

# Draf Ringkasan Eksekutif

## RANCANGAN STRUKTUR & RANCANGAN TEMPATAN

## Labuan 2030

Perbadanan Labuan

Jabatan Perancang Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia

# Ringkasan Eksekutif

## Isi Kandungan


*Pengenalan* 1.0

*Profil Labuan* 2.0

*Draf Rancangan Struktur Labuan 2030* 3.0

*Halatuju Perancangan Labuan*

*Prinsip Pembangunan Labuan*

*Dasar Rancangan Struktur Labuan*

*Cadangan Projek Strategik*

*Gambarajah Utama*

*Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030* 4.0

*Matlamat, Objektif, Teras*

*Konsep Pembangunan*

*Peta Cadangan Gunatanah*

*Garis Panduan Perancangan*


Labuan 2030





# 1.0 Pengenalan

Rancangan Pemajuan Labuan, yang terdiri daripada Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 & Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030 disediakan berdasarkan keperluan Akta Perancangan Bandar & Desa 1976, Akta 172, yang telah dipanjangkan pemakaiannya ke Perbadanan Labuan pada 1 Januari 2010.

## Draf Rancangan Struktur Labuan 2030

Draf Rancangan Struktur Labuan 2030 adalah satu pernyataan bertulis yang mengandungi & menerangkan:

- Dasar & cadangan am Pihak Berkuasa Perbadanan Labuan berkenaan pemajuan & penggunaan tanah bagi mempertingkatkan persekitaran hidup dari segi fizikal, perhubungan, lalu-lintas, kesejahteraan, sosio-ekonomi, galakan pertumbuhan ekonomi serta pembangunan mampan
- Cadangan-cadangan am bagi pemajuan dan penggunaan tanah dalam kawasan berhampiran yang dijangka menyentuh kawasan tersebut.
- Perkara-perkara lain yang ditetapkan atau ditentukan oleh MPFN atau Jawatankuasa Eksekutif Perancangan Wilayah Persekutuan Labuan bagi kes-kes tertentu.
- Mengandungi gambarajah, ilustrasi, pelan atau bahan-bahan yang menjelaskan cadangan-cadangan yang dibentuk.

**Proses Penyediaan DRS Labuan**






### Proses Penyediaan DRT Labuan

**PUBLISITI**
Memaklumkan akan penyediaan Rancangan Tempatan, matlamat dan maksud penyediaannya

↓

**PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN [ Seksyen 12 ]**
Mengandungi suatu peta cadangan dan pernyataan bertulis yang menepati dasar/cadangan RS

↓

**PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM [ Seksyen 13 (1) & (2) ]**
Pemeriksaan Draf RT oleh pihak awam tidak kurang daripada 4 minggu dan boleh dilanjutkan. Notis disiarkan dalam 3 keluaran dan sekurang-kurangnya dua akhbar

↓

**SIASATAN DAN PENDENGARAN [ Seksyen 14 (1) ]**
Suatu siasatan dan pendengaran awam boleh diadakan di hadapan Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran terdiri daripada 3 orang yang dilantik oleh JPE

↓

**KELULUSAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN [ Seksyen 15 (1) ]**
Jawatankuasa Perancang Eksekutif membuat ketetapan melulus atau menolak Draf RT

↓

**PEMBERITAHUAN KEPADA MENTERI [ Seksyen 15 (1c) ]**
JPE mengemukakan Draf RT untuk persetujuan Pihak Berkuasa (PB)

↓

**MEWARTAKAN RANCANGAN TEMPATAN [ Seksyen 15 (4) ]**
PBPT mewartakan persetujuan RT dan disiarkan dalam warta dan sekurang-kurangnya 2 akhbar tempatan

## Draf Rancangan Tempatan Labuan

Draf Rancangan Tempatan Labuan adalah satu dokumen perancangan dan penggunaan tanah Wilayah Persekutuan Labuan yang:

- Merupakan suatu peta dan pernyataan bertulis yang menterjemah dasar dan cadangan awal Draf Rancangan Struktur Labuan bagi menjelaskan semua cadangan perancangan pembangunan tanah termasuk melindungi dan memperelok alam persekitaran fizikal.

- Mengandungi Peta Cadangan Gunatanah iaitu, cadangan penggunaan tanah terperinci mengikut lot yang disokong dengan Jadual Kelas Kegunaan Tanah, Pelan-pelan dan gambarajah, dan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Khusus yang menentukan spesifikasi bagi tujuan pengawalan perancangan.

- Menjadi panduan utama kepada semua pihak berkepentingan dalam merangka dan merancang pembangunan Labuan dan ia merupakan sebagai alat pengawalan perancangan dokumen rujukan dan panduan bagi perancangan pembangunan guna tanah dan fizikal kepada Perbadanan Labuan

# 2.0 Profil Labuan

Kawasan RS dan RT Labuan merangkumi keseluruhan Wilayah Persekutuan Labuan iaitu seluas 9542.34 hektar dan 6 buah pulau kecil iaitu Pulau Kuraman, Pulau Rusukan Besar dan Pulau Rusukan Kechil yang mana perairannya telah diwartakan sebagai Taman Laut, Pulau Daat, Pulau Papan dan Pulau Burung.

**9542.34 ha**
keluasan

**86,908**
penduduk (2010)

**123 km**
dari Kota Kinabalu

**52 km**
dari Brunei








## Fokus Pembangunan

- Hab Perkhidmatan Industri Minyak dan Gas
- Hab Perkhidmatan Pengagihan Barangan Halal
- Pusat Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa
- Hab Pelancongan

## Penduduk

Jumlah penduduk tahun 2010 ialah seramai 86,908 orang

- Warganegara : 74,764 (86%)
- Bukan warganegara 12,144 (14%)

## Guna Tanah Semasa

Kawasan tepu bina Labuan merangkumi seluas 4,248.55 km² (44.52%) . Kawasan tanah kosong merupakan guna tanah terbesar dengan keluasan 4,433.35 hektar (46.46%) manakala perkhidmatan & perniagaan merupakan guna tanah terkecil iaitu seluas 70.15 hektar

# Gunatanah Semasa Labuan




| GUNA TANAH | KELUASAN (HEKTAR) | % |
|---|---|---|
| **PERUMAHAN** | **1,805.60** | **18.92** |
| Perumahan Terancang | 254.71 | 2.67 |
| Perumahan Tidak Terancang | 1,550.89 | 16.25 |
| **PERNIAGAAN DAN PERKHIDMATAN** | **70.15** | **0.73** |
| Perniagaan Terancang | 67.91 | 0.71 |
| Perniagaan Tidak Terancang | 2.24 | 0.02 |
| **INDUSTRI** | **475.18** | **4.98** |
| Industri Terancang | 402.65 | 4.22 |
| Industri Tidak Terancang | 72.53 | 0.76 |
| **TANAH LAPANG DAN REKREASI** | **179.45** | **1.88** |
| Tanah Lapang | 101.00 | 1.06 |
| **Kemudahan Sukan dan Rekreasi** | **78.45** | **0.82** |

| GUNA TANAH | KELUASAN (HEKTAR) | % |
|---|---|---|
| **INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT** | **573.49** | **6.01** |
| Pendidikan | 159.02 | 1.67 |
| Keselamatan | 269.47 | 2.83 |
| Kegunaan Kerajaan | 38.15 | 0.40 |
| Keagamaan | 14.73 | 0.15 |
| Kesihatan | 21.25 | 0.22 |
| Perkuburan | 61.63 | 0.65 |
| Lain-Lain Kemudahan Masyarakat | 9.24 | 0.09 |
| **PENGANGKUTAN** | **784.96** | **8.23** |
| Jalanraya | 575.66 | 6.04 |
| Kemudahan Pengangkutan | 209.30 | 2.19 |

| GUNA TANAH | KELUASAN (HEKTAR) | % |
|---|---|---|
| **INFRASTRUKTUR DAN UTILITI** | **359.71** | **3.77** |
| Bekalan Elektrik | 31.79 | 0.33 |
| Bekalan Air | 277.95 | 2.91 |
| Pengairan dan Perparitan | 19.51 | 0.21 |
| Pembentungan | 9.02 | 0.10 |
| Telekomunikasi | 4.12 | 0.04 |
| Pelupusan Sisa Pepejal | 12.15 | 0.13 |
| Bekan Gas | 5.17 | 0.05 |
| **TANAH KOSONG** | **4,268.03** | **44.73** |
| Semulajadi | 4,076.99 | 42.73 |
| [illegible] | 191.04 | 2.00 |

| GUNA TANAH | KELUASAN (HEKTAR) | % |
|---|---|---|
| **PERTANIAN, PENTERNAKAN DAN AKUAKULTUR** | **126.21** | **1.32** |
| Pertanian | 107.18 | 1.12 |
| Penternakan | 8.36 | 0.09 |
| Akuakultur | 10.67 | 0.11 |
| **Hutan** | **551.32** | **5.78** |
| **Badan Air** | **209.94** | **2.20** |
| **Pantai** | **138.30** | **1.45** |
| Sempadan Kampung | | |
| Sempadan Zon Perancangan Kecil | | |
| Sempadan Zon Perancangan | | |
| **JUMLAH KESELURUHAN** | **9,542.34** | **100.00** |



# 3.0 Draf Rancangan Struktur Labuan

## Halatuju Perancangan Labuan

Hala Tuju Perancangan Labuan yang digubal mengambilkira penemuan strategik, potensi dan prospek Labuan, misi, visi dan dasar-dasar utama Kerajaan Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar serta fungsi dan peranan Perbadanan Labuan mengikut Akta 609.

### Visi Strategik

***Labuan Sebagai Pusat Perkhidmatan Serantau Yang Dinamik***

### Matlamat

Merancang Pembangunan Labuan Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi Serantau Yang Berdaya Saing Dengan Persekitaran Kehidupan Yang Berkualiti

### Objektif Pembangunan Labuan

- Mempelbagaikan sumber ekonomi Labuan bagi memperkukuh asas ekonomi Labuan ke arah mencapai ekonomi berpendapatan tinggi.
- Meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat dengan penyediaan perumahan, kemudahan sosial dan prasarana yang seimbang.
- Meningkatkan aksesibiliti dan kemudahan pengangkutan Labuan.
- Memelihara, memulihara dan mengeksploitasi sumber semulajadi Labuan secara mampan.
- Mewujudkan masyarakat berpengetahuan dan berkemahiran bagi meningkatkan daya saing penduduk dalam pelbagai sektor ekonomi.

# Prinsip Pembangunan Labuan

Bagi merealisasikan visi, matlamat dan objektif pembangunan Labuan, tiga (3) prinsip digubal bagi merangka hala tuju pembangunan Labuan:

## Prinsip 1 : Pertumbuhan Ekonomi Progresif dan Makmur



*Labuan akan membangun sebagai satu wilayah yang mempunyai keupayaan ekonomi untuk meningkat taraf hidup dan pendapatan penduduk Labuan*

- Persekitaran pelaburan kondusif;
- Pengwujudan rantaian ekonomi bagi merangsang penjanaan pertumbuhan ekonomi tempatan;
- Penjanaan peluang pekerjaan penduduk tempatan;
- Tenaga kerja berkualiti dan berkemahiran tinggi;
- Destinasi pelancongan berkualiti, berdaya maju dan berdaya saing;
- Suasana perniagaan yang inovatif selaras dengan status sebagai pulau bebas duti.

## Prinsip 2 : Persekitaran Kondusif dan Harmoni



*Kesejahteraan kehidupan lestari, prinsip pengurusan & perancangan penggunaan tanah bersepadu perlu diamalkan dengan menumpukan kepada pengunaan tanah yang berpotensi serta pengurusan landskap dan rekabentuk bandar yang menarik*

- Struktur gunatanah teratur dan optimum;
- Rekabentuk bangunan & penyediaan infrastruktur serta utiliti mesra alam;
- Rekabentuk & imej bandar menarik dan tersusun;
- Peranan pusat bandar sebagai destinasi pengunjung dipromosi dan penyediaan kemudahan bagi mempertingkatkan peranannya sebagai pulau bebas duti;
- Pemeliharaan alam sekitar dan pemuliharan KSAS, sumber serta warisan;
- Pengekalan, pemeliharaan dan penambahbaikan ciri-ciri istimewa Labuan persekitaran alam bina;
- Perlindungan kawasan hijau yang penting dalam kawasan petempatan bandar.

## Prinsip 3 : Pembangunan Masyarakat Sejahtera



*Penekanan terhadap pewujudan persekitaran hidup yang berkualiti dan kondusif untuk menyokong pertumbuhan ekonomi*

- Penyediaan perumahan yang mencukupi, berkualiti dan mampu milik;
- Penyediaan kemudahan masyarakat, rekreasi, dan utiliti yang mencukupi, cekap dan berkualiti;
- Infrastruktur komunikasi yang cekap;
- Persekitaran yang selamat dan sihat untuk individu, keluarga dan komuniti;
- Tahap kemudahsampaian dan kemudahgerakan yang tinggi, selamat dan selesa;

# Strategi Perancangan Spatial

## Strategi Pembangunan Terpilih dan Bersepadu

### 1 Penumpuan Pembangunan Ekonomi Yang Menyokong & Mampu Berdaya Saing

Penumpuan pembangunan ekonomi yang menyokong dan mampu berdaya saing, melalui pertumbuhan dan penambahbaikan sektor ekonomi sedia ada iaitu sektor perkhidmatan industri minyak dan gas, pusat kewangan luar pesisir antarabangsa, dan aktiviti-aktiviti pelancongan dan perdagangan.

### 2 Pengekalan Sumber Semulajadi Sebagai Aset Eko Pelancongan Serta Mewujudkan Persekitaran Hijau

Pemuliharaan, pemeliharaan dan pengekalan alam sekitar adalah penting untuk mewujudkan persekitaran mampan. Sumber semulajadi yang terdapat di Labuan merupakan aset berharga yang perlu dikekalkan, untuk mewujudkan pembangunan yang seimbang.

### 3 Pembangunan Petempatan Dengan Persekitaran Berkualiti & Kondusif

Persekitaran petempatan yang berkualiti dan kondusif dicadangkan bagi menjamin keselesaan kepada penduduk tempatan, disamping untuk menarik warga asing menjadikan Labuan sebagai destinasi rumah kedua.

### 4 Pendidikan Modal Insan Berkualiti

Pembangunan ekonomi berdaya memerlukan tenaga kerja berwibawa &berpengetahuan dalam pelbagai bidang. Strategi pendidikan modal insan berkualiti direncanakan sebagai salah satu strategi pembangunan Labuan melalui pengwujudan pusat pendidikan kemahiran.



# Dasar Rancangan Struktur Labuan 2030

Dasar-dasar perancangan spatial Draf Rancangan Struktur Labuan digubal berteraskan tiga prinsip pembangunan, yang disokokng dengan cadangan-cadangan am untuk diterjemahkan di peringkat Draf Rancangan Tempatan Labuan.

## PERTUMBUHAN EKONOMI PROGRESIF DAN MAKMUR

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **E1** | **Industri Perkhidmatan Minyak Dan Gas Sebagai Pemangkin Ekonomi Labuan** |
| Cadangan am | E1-CA1 | Menyediakan kawasan yang sesuai untuk menempatkan aktiviti-aktiviti berkaitan yang lengkap dengan prasarana dan kemudahan yang mencukupi. |
| | E1-CA2 | Mengalakkan aktiviti perkhidmatan bagi menyokong industri minyak dan gas dan penyelenggaraan perkapalan. |
| | E1-CA3 | Menggalakkan industri pembinaan pelantar minyak untuk menyokong operasi carigali minyak dan gas di kawasan perairan Sabah, Sarawak dan Brunei. |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **E2** | **Labuan Dimajukan Sebagai Pusat Pelaburan, Kewangan Dan Perniagaan Serantau** |
| Cadangan am | E2-CA1 | Mempertingkatkan daya saing bagi menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi perdagangan dengan menarik lebih ramai pelabur asing. |
| | E2-CA2 | Memperkasakan institusi kewangan dan korporat serta pengurusan ekonomi makro yang lebih berkesan terutama perbankan dan kewangan Islam. |
| | E2-CA3 | Memanfaatkan status Labuan sebagai Pulau Bebas Cukai. |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **E3** | **Perikanan Laut Dalam Dan Industri Pemprosesan Hasil Laut Berskala Besar Dimajukan Bagi Mengeksploitasi Sumber Hasil Marin** |
| Cadangan am | E3-CA1 | Membangunkan kawasan rezab yang sesuai untuk menempatkan Hab Halal dan industri pemprosesan hasil laut |
| | E3-CA2 | Memberi tumpuan kepada industri berasaskan hasil marin bagi meningkatkan tahap industri perikanan kepada perikanan laut dalam dengan hasil tangkapan untuk tujuan pemprosesan. |
| | E3-CA3 | Menyediakan jeti pendaratan ikan bagi membolehkan pendaratan kapal ikan yang lebih besar. |
| | E3-CA4 | Menyediakan bantuan yang diperlukan oleh nelayan untuk aktiviti laut dalam termasuk kewangan dan peralatan. |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **E4** | **Keupayaan Sektor Pelancongan Dipertingkatkan Bagi Menarik Kemasukan Pelancong Domestik Dan Antarabangsa** |
| Cadangan Am | E4-CA1 | Mengenalpasti sumber aset tinggalan sejarah, produk sedia ada dan mampu maju untuk dibangunkan,dinaiktaraf dan dipelbagai secara bersepadu. |
| | E4-CA2 | Menyediakan kemudahan penginapan pelbagai taraf dan lengkap bagi memenuhi keperluan pelancong dalam dan luar negara, serta pengunjung yang datang atas urusan kerja. |
| | E4-CA3 | Meningkatkan penglibatan usahawan kecil dalam pembangunan produk dan perkhidmatan pelancongan tempatan yang beridentitikan tempatan. |
| | E4-CA4 | Menggalakkan pelaburan dan penyertaan sektor awam dalam memajukan produk pelancongan |
| | E4-CA5 | Mempromosikan Labuan sebagai destinasi pelancongan pilihan melalui web, pengiklanan, media cetak dan elektronik serta penyertaan Perbadanan Labuan di dalam pelbagai persidangan, pesta, karnival atau pameran berkaitan pelancongan samada di peringkat tempatan, kebangsaan mahupun antarabangsa. |
| | E4-CA6 | Menyedia kemudahan penginapan alternatif dalam bentuk homestay yang boleh menambah pendapatan masyarakat tempatan. |
| | E4-CA7 | Menyedia dan menaiktaraf sistem perhubungan dan kemudahan infrastruktur yang perlu bagi menyokong produk-produk pelancongan yang telah dikenalpasti. |
| | E4-CA8 | Memperkenalkan kalender tahunan pelancongan Pulau Labuan yang padat dengan informasi dan aktiviti pelancongan yang dirancang sepanjang tahun sebagai salah satu strategi pemasaran. |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **E5** | **Ekonomi Tempatan Dipelbagai Bagi Menjana Peluang Pekerjaan Untuk Meningkatkan Taraf Sosio-Ekonomi Penduduk** |
| Cadangan Am | E5-CA1 | Menggalakkan penglibatan penduduk dalam industri desa berasaskan hasil laut dan pertanian. |
| | E5-CA2 | Menggalakkan pembuatan produk makanan dan kraftangan. |
| | E5-CA3 | Menyediakan peluang pemasaran melalui penyediaan pusat pengumpulan dan pemasaran produk |
| | E5-CA4 | Menggalakkan aktiviti ekonomi dengan memberi tumpuan kepada industri terpilih terutamanya Industri hasil laut, Industri pembuatan barangan hiliran berasaskan sumber pertanian dan perikanan dan, Industri Kecil dan sederhana. |

## PERSEKITARAN KONDUSIF & HARMONI

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **P1** | **Penggunaan Tanah Yang Optima Bagi Menampung Bagi Menampung Keperluan Sosial Dan Ekonomi Ke Arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan Yang Lestari** |
| Cadangan Am | P1-CA1 | Memastikan pemajuan yang dirancang mematuhi Gambarajah Utama Labuan 2030 |
| | P1-CA2 | Mewujudkan sistem maklumat kegunaan tanah bagi mengumpul data-data berkaitan berasaskan nombor lot tanah bagi membolehkan perancangan strategi pemajuan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan |
| | P1-CA3 | Mengoptimakan penggunaan tanah dan pembangunan zon pusat bandar melalui konsep pembangunan 'infill' dan 'brownfield' |
| | P1-CA4 | Memajukan tanah Perbadanan Labuan secara bersepadu dengan memberi tumpuan kepada pusat pertumbuhan strategik sedia ada dan yang berpotensi pada masa hadapan. |
| | P1-CA5 | Menggalakkan pelaburan pihak swasta untuk memajukan tanah selaras dengan pendekatan Model Baru Ekonomi bagi melaksanakan program Transformasi Ekonomi. |
| | P1-CA6 | Tebus guna tanah di kawasan pinggir laut tidak digalakkan |
| | P1-CA7 | Mengekal dan memajukan kawasan pertanian untuk menampung keperluan tempatan |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **P2** | **Pendekatan Perancangan Pembangunan Hijau Diaplikasi Bagi Mewujudkan Kualiti Persekitaran Yang Sejahtera** |
| Cadangan Am | P2-CA1 | Melaksanakan pendekatan '*Green Building Index*' (GBI) dalam pembinaan bangunan baru. |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **P3** | **Labuan Berperanan Sebagai Pusat Separa Wilayah Dan Disokong Dengan Pusat Petempatan Kecil** |
| Cadangan Am | P3-CA1 | Mengukuhkan fungsi bandar Labuan sebagai Pusat Separa Wilayah. |
| | P3-CA2 | Mewujudkan Pusat Petempatan Kecil (PPK) dan menyediakan kemudahan masyarakat dan infrastruktur/utiliti yang setara dari segi kuantiti dan kualiti. |
| | P3-CA3 | Mewujudkan identiti bandar yang lebih jelas dan teratur melalui penyusunan semula struktur bandar. |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **P4** | **Alam Sekitar Semulajadi Perlu Dipelihara, Dilindungi Dan Diurus Secara Mampan Ke Arah Persekitaran Yang Kondusif Dan Harmoni** |
| Cadangan Am | P4-CA1 | Mewartakan kawasan-kawasan yang dikenalpasti sebagai KSAS sebagai kawasan pengekalan. |

P4-CA2 Kawasan Sensitif Alam Sekitar tidak dibenarkan untuk dijalankan aktiviti pembangunan kecuali untuk tujuan menaiktaraf dan eko-pelancongan.

P4-CA3 Permohonan kelulusan perancangan di kawasan berhampiran KSAS perlu diperketatkan

P4-CA4 Penguatkuasaan bersepadu perlu dilaksanakan oleh pihak berkuasa bagi mengelakkan KSAS dari terjejas.

P4-CA5 Melaksanakan pelan pengurusan dan pelan-pelan tindakan yang telah dicadangkan di dalam kajian Alam Sekitar Ber sepadu untuk Wilayah Persekutuan Labuan

P4-CA6 Menyediakan pelan pengurusan dan garispanduan pemeliharaan hutan paya terutamanya di kawasan paya bakau milik persendirian, supaya selaras dengan kepentingan memelihara ekosistem.

P4-CA7 Melaksanakan Pelan Pengurusan Pesisiran Pantai Bersepadu

P4-CA8 Menggalakkan aktiviti penyelidikan terumbu karang dan maritim melalui usahasama universiti/ institusi penyelidikan.

P4-CA9 Mengadakan program pendidikan dan kesedaran awam.

P4-CA10 Mengawal aktiviti pembangunan di kawasan tanah tinggi terutamanya di sekitar kawasan Bukit Kubong dan Bukit Kalam.

**Dasar P5 Rekabentuk Bandar Diperkukuhkan Bagi Mewujudkan Identiti Bandar Yang Jelas Dan Menarik**

Cadangan Am

P5-CA1 Mewujudkan fabrik bandar yang teratur sebagai nodes/kawasan tumpuan yang baru dengan kombinasi aktiviti komersil, rangkaian pejalan kaki dan elemen landskap lembut dan kejur dengan mengambilkira potensi pemandangan laut.

P5-CA2 Rekabentuk bangunan moden dicadangkan bagi menarik potensi pelaburan syarikat korporat serta memberikan suasana yang lebih 'vibrant' dan meriah.

P5-CA3 Pengukuhan kualiti visual bandar melalui kawalan ketinggian bangunan, pencahayaan bandar dan papan tanda yang menarik dan unik.

P5-CA4 Penyediaan mercu tanda sebagai imej dan identiti bandar Labuan untuk mewujudkan *'sense of welcoming'* kepada pengunjung.

**Dasar P6 Pengurusan Landskap, Tanah Lapang Dan Rekreasi Efektif Bagi Meningkatkan Imej Persekitaran Labuan**

Cadangan Am

P6-CA1 Melaksanakan pelan induk lanskap Labuan dan ditambahbaik untuk menonjolkan kepelbagaian dan keunikan yang tersendiri.

P6-CA2 Menguatkan imej lanskap lembut dan kejur di pinggiran jalan, pusat bandar, kawasan perumahan, kawasan perindustrian dan kawasan lapang dan rekreasi.

| | |
|---|---|
| P6-CA3 | Mewujudkan ruang-ruang hijau baru bagi mengimbangi pembangunan fizikal melalui jaluran hijau berpokok dan elemen semulajadi. |
| P6-CA4 | Menambahbaik dan menghubungkan elemen taman rekreasi dan kawasan hijau untuk mewujudkan kesinambungan taman bandar. |
| P6-CA5 | Menyediakan komponen-komponen kemudahan tanah lapang dan rekreasi di setiap Zon Perancangan Kecil. |
| P6-CA6 | Menentukan kesesuaian tanah lapang dan rekreasi mengikut keperluan masyarakat berdasarkan piawaian dan garis panduan perancangan. |
| P6-CA7 | Menyediakan atau menaiktaraf kemudahan-kemudahan tanah lapang dan rekreasi dengan menambah elemen landskap yang bersesuaian berdasarkan keperluan semasa dan semua golongan masyarakat |
| P6-CA8 | Mewartakan tanah lapang dan rekreasi sedia ada. |
| P6-CA9 | Cadangan tanah lapang dan rekreasi baru perlu diberi keutamaan di atas rezab pesuruhjaya tanah persekutuan terlebih dahulu |

## PEMBANGUNAN MASYARAKAT SEJAHTERA

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **M1** | **Pembangunan Modal Insan Dipertingkatkan Melalui Penyediaan Institusi-Institusi Pengajian Dan Latihan Bagi Melahirkan TenagaKerja Profesional Dan Berkemahiran, Dikalangan Penduduk Tempatan.** |
| Cadngan Am | M1-CA1 | Menyediakan program-program latihan, kursus dan bengkel jangka masa pendek kepada golongan lepasan sekolah melalui penubuhan Kolej Komuniti. |
| | M1-CA2 | Memperkukuhkan Institusi Latihan Perindustrian sedia ada, dan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL). |
| | M1-CA3 | Mewujudkan universiti bertaraf penuh atau cawangan institusi pengajian tinggi yang dapat menyumbang kepada ekonomi Labuan. |
| | M1-CA4 | Mewujudkan cawangan Institut Latihan Akademi Laut Malaysia (ALAM) yang menawarkan kursus kepada penduduk di dalam kejuruteraan industri marin dan laut. |

| | | |
|---|---|---|
| Dasar | **M2** | **Jaringan Perhubungan Darat, Udara Dan Laut Diperkukuh Untuk Meningkatkan Kemudahsampaian** |
| Cadangan Am | M2-CA1 | Membina jalan baru dan menaiktaraf jalanraya sediada. |
| | M2-CA2 | Membina pelabuhan baru untuk menyokong aktiviti di kawasan perindustrian Rancha-Rancha. |
| | M2-CA3 | Meluruskan Laluan Feri sedia ada |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **M3** | **Sistem Pengangkutan Awam Bersepadu Diperkukuh Ke Arah Perkhidmatan Yang Lebih Cekap Dan Berkesan** |
| Cadangan Am | M3-CA1 | Mewujudkan Agensi Penyelaras dalam pengurusan pengangkutan awam. |
| **Dasar** | **M4** | **Perumahan yang Berkualiti dan Mencukupi Disediakan bagi Memastikan Kesejahteraan Hidup Bagi Semua Golongan Masyarakat** |
| Cadangan Am | M4-CA1 | Mengenalpasti keperluan perumahan untuk menampung keperluan penduduk |
| | M4-CA2 | Mewujudkan persekitaran perumahan yang berkualiti, selamat, sihat dan selesa di semua kawasan perumahan yang berkonsepkan kejiranan hijau. |
| | M4-CA3 | Menggunapakai Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau di dalam perancangan pembangunan perumahan dan keperluan kepada golongan OKU hendaklah disediakan berdasarkan Garis Panduan Rekabentuk Bebas Halangan (Universal Design) 2010. |
| | M4-CA4 | Mempertingkatkan kualiti perumahan dan persekitaran di kawasan kampung melalui Program Pembangunan Semula dan Membaik Pulih. |
| | M4-CA5 | Mengenalpasti kawasan bersesuaian untuk penempatan semula setinggan |
| | M4-CA6 | Menyediakan pelbagai jenis perumahan mampu milik dan mengikut harga semasa |
| | M4-CA7 | Langkah-langkah penguatkuasaan yang tegas perlu dilaksanakan agar menghalang pertumbuhan kawasan perumahan setinggan baru pada masa hadapan |
| **Dasar** | **M5** | **Labuan Sebagai Destinasi Pemilikan Rumah Kedua** |
| Cadangan Am | M5-CA1 | Mengenalpasti kawasan yang sesuai untuk pembangunan projek perumahan yang eksklusif. |
| | M5-CA2 | Mengadakan usaha-usaha promosi untuk menarik minat warganegara asing memiliki rumah kedua di Labuan. |
| **Dasar** | **M6** | **Kampung-Kampung Mempunyai Keistimewaan Tersendiri Perlu Dipelihara** |
| Cadangan Am | M6-CA1 | Mengenalpasti kampung-kampung yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan dan keunikan untuk dipelihara |
| | M6-CA2 | Membentuk identiti kampung berasaskan kepada sumber dan keistimewaan kampung berkaitan. |
| | M6-CA3 | Melengkapkan elemen-elemen desa, imej dan suasana desa dari aspek fizikal dan persekitaran |

| | | |
|---|---|---|
| **Dasar** | **M7** | **Penyediaan Kemudahan Masyarakat, Kemudahan Infrastruktur Dan Utiliti Yang Mencukupi, Berkualiti, Bagi Menampung Keperluan Komuniti Dan Pembangunan Yang Dirancang** |
| Cadangan Am | M7-CA1 | Menyediakan kemudahan pendidikan berdasarkan keperluan dan unjuran serta mengambilkira kawasan tadahan/ tampungan ke arah masyarakat berpendidikan. |
| | M7-CA2 | Mencadangkan kemudahan kesihatan mengikut hierarki berdasarkan kepada tahap perkhidmatan dan tadahan. |
| | M7-CA3 | Mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab terhadap perancangan, penyelenggaraan dan pemantauan tempat tempat beribadat untuk menjamin penyediaan yang berkualiti dan teratur sehingga tahun 2030. |
| | M7-CA4 | Menyediakan kemudahan keselamatan di kawasan berkepadatan tinggi dan kawasan berisiko tinggi. |
| | M7-CA5 | Penyediaan pusat komuniti bagi setiap kawasan tadahan komuniti sehingga tahun 2030. |
| | M7-CA6 | Meningkatkan keupayaan bekalan air bersih di loji-loji rawatan air dan dari kawasan tadahan air memastikan tiada gangguan bekalan air pada masa akan datang. |
| | M7-CA7 | Menjalankan kajian keperluan bekalan air berdasarkan data pertumbuhan penduduk dan kegiatan ekonomi terkini |
| | M7-CA8 | Memastikan kerjasama yang rapat antara pihak berkuasa tempatan dengan pemaju-pemaju projek pembangunan dalam memastikan pembinaan sistem pengagihan paip air yang terancang dan berkesan. |
| | M7-CA9 | Menggalakkan dan meningkatkan kesedaran masyarakat akan konsep dan kepentingan penjimatan air. |
| | M7-CA10 | Memastikan bekalan elektrik mampu menampung permintaan sedia ada dan akan datang terutamanya pembangunan berskala besar. |
| | M7-CA11 | Menggunakan sistem aplikasi pengagihan yang berteknologi terkini dan bersepadu dengan suatu sistem kedua 'backup system' seperti 'multy loop' dan sistem automasi mengesan kerosakan dengan cepat. |
| | M7-CA12 | Menaiktaraf kapasiti pencawang pengagih utama dan sistem pengagihan bagi mengelakkan gangguan bekalan. |
| | M7-CA13 | Menggalakkan syarikat utiliti, institusi penyelidikan tinggi dan sektor industri menjalankan penyelidikan dan menggunakan sumber tenaga alternatif yang bersifat mesra alam dan boleh diperbaharui iaitu tenaga solar dan 'biomass'. |
| | M7-CA14 | Menyediakan program jangka panjang bekalan elektrik dengan mengambilkira perancangan gunatanah masa hadapan. |
| | M7-CA15 | Menggalakkan pembangunan yang dijalankan menggunakan talian elektrik bawah tanah (*common trenching*). |
| | M7-CA16 | Menyediakan pelan induk pembetungan bagi program jangka panjang dengan mengambilkira perancangan guna tanah masa hadapan. |
| | M7-CA17 | Menggunakan kaedah-kaedah baru pelupusan sisa pepejal yang memberi kesan minimum ke atas alam sekitar dan komuniti serta mesra alam. |
| | M-CA18 | Menyediakan kemudahan bagi tujuan kitar semula dengan disokong oleh kesedaran penduduk tempatan |
| | M7-CA19 | Meningkatkan keupayaan sistem rangkaian jalur lebar di dalam dan antara wilayah. |
| | M7-CA20 | Menggalakkan penggunaan teknologi berkapasiti tinggi seperti penggunaan kabel gentian optik berkapasiti tinggi. |
| | M7-CA21 | Menyediakan pelan perancangan perletakan menara telekomunikasi dalam setiap pembangunan baru dan kawasan pembangunan sedia ada. |


Rajah 3.6
GAMBAR RAJAH UTAMA
DRAF RANCANGAN STRUKTUR
LABUAN 2030
Petunjuk:
Hierarki Pusat Petempatan
Dasar Yang Dirujuk
Perincian
Pusat Separa Wilayah
Pusat Petempatan Kecil (PPK)
P3
* Pusat Petempatan Kecil (PPK) Labuan
